

01 MAY 2002

Mahathir-Tajudin/I

KES TAJUDIN BUKAN BERERTI USAHAWAN MELAYU LAIN JATUH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Kehilangan penguasaan Tan Sri Tajudin Ramli dalam Technology Resources Industries Bhd (TRI) tidak membayangkan kejatuhan usahawan Melayu yang lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tak semuanya jatuh, ada yang maju. Mereka ini yang (tidak jatuh) tidak berhutang terlalu banyak," katanya kepada pemberita selepas berucap pada perhimpunan Hari Pekerja sektor awam di Intan hari ini.

Perdana Menteri berkata golongan yang cermat dan mengamalkan pengurusan kewangan yang bijak terus mampu bertahan walaupun berlaku kemelesetan ekonomi baru-baru ini, malahan ada yang maju dengan memperolehi pendapatan di luar negara.

Dr Mahathir berkata beliau tidak menganggap tindakan Telekom Malaysia Bhd membeli saham TRI daripada Pengurusan Danaharta Nasional Bhd pada Isnin lepas sebagai kejatuhan empayar perniagaan Tajudin.

"Mana-mana syarikat yang mengalami kerugian kesan daripada kemelesatan yang dirasakan oleh negara, sudah pasti menghadapi masalah," katanya.

Isnin lepas, Telekom Malaysia membeli 13.2 peratus saham TRI yang dilupuskan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Bhd ekoran kegagalan Tajudin, yang juga pengerusi eksekutif TRI, membayar RM130.44 juta untuk mendapatkan hak dalam terbitan hak TRI.

"Apa yang berlaku semasa ekonomi baik (ialah) ramai peniaga yang berhutang tanpa mengambil kira kemungkinan risiko kerugian. Bila berlaku kemelesetan ekonomi, banyak syarikat yang berhutang terlalu banyak menghadapi masalah," kata Dr Mahathir.

Katanya jika tidak kerana Danaharta mengambil alih hutang Tajudin, dia mungkin hilangkan penguasaannya dalam TRI dari awal lagi.

"Jika tidak, awal-awal lagi bank akan jual ikut suka hati dia untuk dapat balik hutang," katanya.

Dr Mahathir juga berkata sepatutnya, TRI dimiliki oleh bank apabila Tajudin membuat pinjamannya.

"Sebenarnya ia milik bank kerana bila kita berhutang dengan bank, sebahagian daripada milik kita, jadi milik bank. Kalau dia tidak boleh bayar kepada bank, kena juallah, dia kena isytihar kata tak mampu," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MAD HS MAI